

24 MAR 2002

Mahathir-pulang

DR MAHATHIR PULANG DARI LAWATAN KE EROPAH

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air pagi ini selepas mengadakan lawatan sembilan hari ke Rusia, Jerman dan Poland.

Ketibaan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa orang kenamaan lain.

Bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir menyifatkan lawatannya ke tiga negara itu sebagai penting daripada segi hubungan diplomatik dan perdagangan.

Perdana Menteri berkata pemimpin-pemimpin negara berkenaan memberikan sambutan yang baik kepada beliau dan meluangkan masa bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu antarabangsa dan hubungan dua hala.

Mengenai lawatannya ke Rusia, Dr Mahathir berkata lebih ramai lagi pelajar Malaysia mungkin boleh dihantar ke sana bagi menuntut ilmu dalam bidang perubatan.

Dr Mahathir berkata bahawa di Jerman, beliau sempat membuat lawatan ke beberapa syarikat gergasi antaranya Mercedes-Benz dan Siemens yang menyatakan hasrat untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia.

Katanya Canselor Jerman, Gerhard Schroder serta pemimpin Bavaria, sebuah negeri terkaya dalam republik persekutuan Jerman, masing-masing melahirkan minat meningkatkan hubungan dengan Malaysia.

Dr Mahathir berkata bahawa di Poland pula, peluang perniagaan terbuka kepada usahawan Malaysia jika "kita rajin".

Poland, katanya, sebuah negara yang cukup cantik dan sesuai dilawati pelancong-pelancong Malaysia.

Perdana Menteri berkata rombongan beliau yang terdiri daripada ahli perniagaan, pegawai kerajaan dan mufti berpeluang menunaikan solat Jumaat bersama-sama umat Islam di Rusia dan Poland.

Dr Mahathir berkata pegangan ujat Islam di Poland kepada agama Islam masih kukuh walaupun berada di bawah pemerintahan komunis sekian lama.

"Mereka inginkan hubungan lebih rapat dengan orang Malaysia terutama dengan alim ulama di sini," katanya.

Ditanya sama ada pada majlis dialog beliau dengan ahli perniagaan ketiga-tiga negara berkenaan terdapat masalah atau isu yang ditimbulkan, Dr Mahathir berkata : "Tidak banyak."

Beliau berkata ahli perniagaan Poland, ingin tahu keadaan di Malaysia dan bagaimana mereka dapat menjalankan perniagaan di sini.

-- BERNAMA

MAD ZS MAI